

# 5M asas tunggak kegemilangan UMS

NST - 3 - 22-1-10

OLEH MARRYAN RAZAN

**KOTA KINABALU:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon menggariskan agenda 5M sebagai asas kepada tunggak kegemilangan UMS yang diharatkan pada tahun ini.

Beliau berkata antara 5M itu ialah Memperhebatkan agenda penyelidikan dan inovasi, Mengembalikan keyakinan terhadap pentadbiran, Menceriakan kampus, Membaca sebagai satu amalan budaya dan Memartabatkan pencapaian pelajar dari segi akademik dan bukan akademik.

"Saya yakin dan percaya dengan gabungan kepakaran pimpinan akademik, komitmen semua pegawai tadbir dan kesungguhan seluruh kakitangan sokongan serta dukungan para pelajar sekalian, kita di UMS mampu mencapai Agenda 5M tersebut," katanya pada Majlis Amanat di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Dr. Kamaruzaman berkata, menjelang 2020, Kementerian Pengajian Tinggi menyasarkan enam lagi institusi Pengajian Tinggi dapat diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan

dan "sasaran ini adalah selari dengan cita-cita UMS".

"Bagi mencapai hasrat tersebut, banyak perkara perlu kita lakukan. Langkah pertama dalam tahun ini, kita harus membentuk hala tuju yang lebih meyakinkan dalam mencapai objektif tersebut."

"Objektif yang dimaksudkan adalah meningkatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan, meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah dan pasca doktoral, meningkatkan bilangan pensyarah yang mempunyai PhD, meningkatkan bilangan pelajar asing, mengukuhkan pusat-pusat kecermerlangan dan meningkatkan kedudukan atau rangking UMS," katanya.

Beliau berkata, memandangkan pentingnya penyelidik dalam sebuah universiti, warga universiti harus tanamkan sifat suka dan cintakan penyelidikan.

Katanya, setakat ini hasil pengumpulan maklumat untuk penerbitan menunjukkan, hasil penerbitan dalam jurnal, buku, bab dalam buku dan lain-lain penerbitan adalah sangat tidak memuaskan berbanding dengan jumlah pensyarah atau penyelidik yang berkhidmat di UMS.

"Oleh itu, saya berharap pihak penerbit UMS mengambil langkah-langkah proaktif dalam menggalakkan warga UMS menerbitkan buku dengan penerbit universiti," katanya.

Dr. Kamaruzaman berkata, menyedari situasi itu pihak universiti telah membentuk jawatankuasa pemberian insentif kepada pensyarah untuk hasil penerbitan mereka. Ia diharap mampu menjadi motivasi kepada para pensyarah untuk menghasilkan lebih banyak penerbitan pada masa akan datang.

"Sebagai peringkat permulaan jawatankuasa tersebut telah memutuskan untuk memberikan insentif kepada pensyarah yang berjaya menerbitkan karya dalam jurnal berimpak tinggi.

"Pada masa akan datang, pemberian insentif tersebut akan diperluaskan kepada penerbitan-penerbitan lain seperti bab dalam buku, jurnal terindeks, jurnal bukan terindeks, buku dan penerbitan lain.

"Saya percaya, sekiranya warga UMS benar-benar menghayati perjuangan universiti untuk mencapai status universiti penyelidikan lebih awal dari 2013, maka hayatilah Simbol 5K, yang terpahat di cokmar konvokesyen UMS," katanya.

Bagi agenda mengembalikan keyakinan terhadap pentadbiran beliau berkata, ia penting kerana tadbir urus yang baik bukan sahaja menjadi faktor penting dalam memenuhi kehendak kakitangan tetapi juga mampu memenuhi hasrat rakyat keseluruhannya.

Oleh itu katanya, semua kakitangan universiti itu perlu diberi pendedahan serta dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan terkini yang dapat memenuhi keperluan di peringkat global.

"Pada tahun 2009 tahap tadbir urus kita sudah mula menunjukkan peningkatan ketara

bagi mencapai visi dan misi UMS.

"Bagi meningkatkan lagi pencapaian tadbir urus 2010, warga kakitangan UMS dituntut mematuhi 4P iaitu Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuasakan oleh kerajaan dan universiti, Penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien, Pelaksanaan tugas secara beretika, telus, berakauntabiliti dan berintegriti dan Pengurusan yang bijak.

Dr. Kamaruzaman berkata, UMS berhasrat untuk mewujudkan Taman Botani Kampus bagi menceriakan lagi kampus itu sejarah dengan dasar kerajaan mengandakan teknologi hijau.

"Bermula tahun ini, kita juga akan lebih serius mengerakkan seluruh jentera universiti untuk menjadikan kampus UMS, tidak ada sampah dan tidak ada plastik.

"Di samping itu, kita telah membuat dasar tidak lagi membenarkan pihak penyedia bekalan makanan termasuk kantin di kolej kediaman pelajar menggunakan bekas plastik atau polystyrene. Ini kerana kesan dan implikasi penggunaan plastik itu sangat buruk kepada alam sekitar," katanya.

Manakala bagi agenda membaca sebagai satu budaya di UMS, Dr. Kamaruzaman mahu semua warga universiti itu tidak kira pangkat dan kedudukan, dari Pembantu Am Rendah, Pemandu, Anggota Keselamatan, Pegawai PALAPES, SUKSIS mengamalkan budaya membaca.

"Sehubungan itu saya menggesa perpustakaan UMS menjadikan tahun ini sebagai tahun membaca. Satu bulan, satu buku. Mulai Februari, sehingga Disember tahun ini perpustakaan UMS harus proaktif mengadakan program, pertandingan dan kempen untuk menarik warga UMS dan orang awam mengunjungi perpustakaan," katanya.



BERSALAMAN...Dr. Kamaruzaman bersalaman dengan sebahagian pelajar.